

MALAYSIA

adalah

SEBUAH NEGARA ISLAM

DATO' WAN ZAHIDI WAN TEH

Terbitan:

Jabatan Hal Ehwal Khas
Kementerian Penerangan Malaysia
Tingkat 6 & 7, Blok G, Jalan Dato' Onn,
50546 Kuala Lumpur.

Kandungan

Pendahuluan	1
1: Sejauh manakah kerajaan telah malaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebuah Negara Islam	5
2: Kesahihan kerajaan menurut hukum fiqh Islam	9
3: Kewajipan ummat terhadap pemerintah	11
4: Sempadan taat kepada pemerintah	16
5: Kewajipan dan cara menegur pemerintah	19
6: Islam dan perpaduan Ummah	21

PENDAHULUAN

Bagi menentukan sama ada Malaysia sebuah negara Islam atau tidak, kita perlu merujuk kepada pendapat ulama Islam mengenai takrif negara Islam. Syeikh Muhammad Abu Zuhrah menyatakan seperti berikut:

"Darul Islam هى الدولة التى تُحکم بسلطان المسلمين وتكون المَنْعَةُ

والقوة فيها للمسلمين"

Maksudnya: "Negara Islam (Darul Islam) ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan Islam, dalam makna kekuatan dan pertahanannya berada di tangan Islam. Negara seperti ini wajib dipertahankan oleh setiap muslim."¹

Muhammad bin Hasan al-Syaibani, seorang ulama yang terkemuka dari kalangan mazhab Hanafi mentakrifkan negara Islam seperti berikut:

"إِسْمُ الْمَوْضِعِ الَّذِي يَكُونُ تَحْتَ يَدِ الْمُسْلِمِينَ، وَيَأْمُونُ فِيهِ عَلَى أَنفُسِهِمْ"

¹ Abu Zahrah. Syeikh, 164, hal. 377.

Maksudnya: “Negara yang dikuasai umat Islam, dalam mana orang-orang Islam beroleh keamanan di dalamnya.”
(Al-Syaibani, Al-Sairul Kabir)

Manakala menurut Imam al-Fahastani, yang juga seorang ulama mazhab Hanafi adalah:

”مَا يَجْرِي فِيهَا حُكْمُ إِمَامِ الْمُسْلِمِينَ“

Maksudnya: “Negara Islam adalah negara yang hukum pemerintah Islam berkuat kuasa ke atasnya.”

(Al-Fahastani, Jami’ al-Rumuz)

Sedangkan menurut mazhab Syafie pula:

”أَنَّ مَا حُكِمَ بِأَنَّهُ دَارُ الْإِسْلَامِ لَا يَصِيرُ بَعْدَ ذَلِكَ دَارُ كُفْرٍ مُطْلَقاً“

Maksudnya: “Mana-mana negara yang pernah menjadi negara Islam, status ini tidak akan hilang menurut hukum fiqh Islam selama-lamanya (sekalipun umat Islam telah dikalahkan di negara berkenaan).”

(Ibn Hajar, Tuhfatul Muhtaj)

Ini bermakna bahawa republik-republik Islam yang berada di bawah pemerintahan komunis dan kuasa-kuasa lain hari ini dianggap negara Islam yang dijajah dan menjadi kewajipan umat Islam membebaskannya apabila mereka mampu.²

Dr. Muhamad Said Ramadhan al-Buti mengariskan negara Islam sebagai:

”عَلَى فِيمَا عَلِيهِ أَئُمَّةُ الْمَذَاهِبِ الْأَرْبَعَةِ، الْبَلْدَةِ أَوْ دَارِ الْأَرْضِ الَّتِي دَخَلَتْ فِي مَنْعِمَةِ الْمُسْلِمِينَ وَسِيَادَتِهِمْ بِحِيثِ يَقْدِرُونَ عَلَى إِظْهَارِ إِسْلَامِهِمْ وَالْإِمْتِنَاعِ مِنْ أَعْدَائِهِمْ..“

Maksudnya: “Negara Islam adalah seperti yang disepakati oleh imam-imam mazhab yang empat: negeri atau bumi yang berada

2 Lihat Ali Mansur, 1954, 129.

di bawah kekuasaan umat Islam dan kedaulatan mereka, dengannya umat Islam dapat mengamal Islam dengan terbuka dan mampu mempertahankan diri daripada serangan musuh..."

Al-Buti seterusnya menjelaskan:

"ويلا حظ من معرفة هذه الأحكام، أن تطبق أحكام الشريعة الإسلامية ليس شرطاً لاعتبار الدار دار إسلام، ولكنه حق من حقوق دار الإسلام في أنعاق المسلمين. فإذا قصر المسلمون في إجراء الأحكام الإسلامية على اختلافها في دارهم الإسلامية التي أورثهم الله إياها، فإن هذا التقصير لا يخرجها عن كونها دار إسلام، ولكنه المقصرين ذنوباً وأوزاراً."

Maksudnya: "Difahami daripada hukum di atas bahawa: Pelaksanaan hukum syariat bukanlah merupakan syarat bagi menentukan sesebuah negara Islam, tetapi ia merupakan hak sebuah negara Islam yang menjadi tanggungjawab umat Islam melaksanakan hukum-hukum Islam dalam sesebuah negara Islam, maka kecuaian tersebut menyebabkan negara berkenaan kehilangan kedudukannya sebagai negara Islam, tetapi mereka bertanggungjawab menanggung dosanya."

(Al-Buti, Al-Jihad fil Islam)

Berdasarkan definisi-definisi yang dirumuskan oleh para ulama dan cendiakawan di atas, nyatalah bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam tanpa sebarang keraguan dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Status Malaysia sebagai negara Islam tidak terjejas, sekalipun Malaysia dipandang sebagai negara sekular di sisi ahli perundungan moden (Barat).

Penilaian seperti ini dibuat berdasarkan undang-undang ciptaan manusia, tetapi yang paling penting di sini ialah penilaian yang berdasarkan hukum fiqh Islam. Islam tidak mengenal pembahagian negara kepada negara sekular atau negara Islam seperti yang difahami oleh undang-undang barat. Di dalam Islam, negara di dunia ini terbahagi

kepada tiga: i. negara Islam (Darul Islam), ii. negara kafir yang berperang dengan Islam (Darul Harb) dan iii. negara yang tidak memerangi Islam (Darul 'Ahd).³ Dari pembahagian negara menurut hukum fiqh ini, jelas bahawa dua negara terakhir adalah negara kafir.

Mempertikaikan status kenegaraan Malaysia bermakna meletakkannya dalam salah satu daripada dua jenis negara orang kafir yang dinyatakan di atas. Selain itu, ia merupakan satu kesalahan dari sudut Islam sendiri kerana ia bererti bahawa umat Islam tidak wajib mempertahankan negara ini dari pencerobohan musuh negara, sedangkan sesebuah negara Islam itu - seperti yang disebutkan oleh Syaikh Muhammad Abu Zuhrah - "wajib dipertahankan oleh umat muslim". Hukum ini dinyatakan dengan jelas dalam kitab-kitab fiqh bahawa ia - sama ada ia fardu kifayah atau fardu ain - bergantung kepada sejauh mana ancaman yang dihadapi oleh sesebuah negara Islam itu.

Hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam sebenarnya turut diperakui oleh sebahagian pakar perundangan moden yang membuat kajian dan penilian secara jujur. Yang Arif Datuk Hashim Yeop A. Sani dalam kajiannya mengenai Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

*"Malaysia secara sah bolehlah mengisyiharkan negara ini negara Islam walaupun ia hakikatnya ia sebuah negara sekular dan tidak semua undang-undangnya diasaskan kepada hukum-hukum Islam."*⁴

Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam telah diperkuuhkan melalui Perlembagaan Persekutuan yang mengiktirafkan Islam sebagai agama rasmi negara. Peruntukan ini telah diwujudkan melalui perjuangan para pemimpin UMNO ketika memperjuangkan kemerdekaan negara. Justeru itu parti UMNO telah didokong oleh segenap lapisan masyarakat Islam termasuk ulama-ulama, tokoh-tokoh agama dan para perjuang Islam di tanah air. Mereka melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam UMNO dan juga kerajaan dalam memaju, mengembangkan dan meninggikan Islam di negara ini.

3 Lihat Syaikh Abu Zahrah, *Nazhariyat al-Harb Fi al-Islam*, Majalah al-Mishriyah Li al-Qanun al-Duali, bil. 14, hal. 14, 1958.

4 A. Zani, Hashim Yeop, 1980, 76.

1

SEJAUH MANA KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWABNYA SEBAGAI SEBUAH NEGARA ISLAM?

Untuk menjawab persoalan ini perlu kita ketahui seperti terlebih dahulu berkenaan dengan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah negara Islam seperti yang diterangkan oleh para ulama dalam kitab-kitab fiqh. Bagi tujuan ini kita berpandukan kepada kitab-kitab tulisan Abu Yaala (m. 458H), dari mazhab Hanbali dan al-Mawardi (m. 450H), seorang ulama terkemuka mazhab Syafie. Mereka telah menggariskan tugas-tugas yang menjadi tanggungjawab sesebuah pemerintahan Islam dalam buku-buku masing-masing. Antara lainnya al-Mawardi menyatakan bahawa secara umumnya tugas pemerintahan Islam itu ialah:

“Menjaga kepentingan agama serta mentadbir urusan negara dan umat.”⁵

Manakala menurut Ibn Taimiah pula ialah:

“Urusan pemerintahan adalah di antara kewajipan agama yang terbesar malah agama itu sendiri tidak dapat ditegakkan tanpa wujudnya pemerintahan.”⁶

5 Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyah*, Bab Perlantikan Imam.

6 Lihat Ibn Taimiyah, *al-Siyasah al-Syar'iyyah*.

Setelah menyebut secara umum tanggungjawab pemerintah dalam Islam, al-Mawardi menghuraikan secara terperinci tugas-tugas tersebut yang dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Memelihara agama dari sebarang pencerobohan fahaman dan ajaran yang boleh memesangkan akidah dari ajaran Islam yang hakiki seperti yang diijmak oleh ulama berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.
2. Melantik jemaah menteri bagi membantu negara dalam melaksanakan tugas-tugas pemerintahan. Menurut al-Mawardi: harus melantik orang kafir yang menjadi warga negara Islam (zimmi) sebagai menteri untuk melaksanakan dasar-dasar yang dibuat oleh pemerintah Islam (wazir tanfiz).⁷

Mengenai perlantikan wanita sebagai menteri dan jawatan-jawatan umum yang lain, para ulama mempunyai pendapat yang berbeza. Sebahagian ulama seperti al-Mawardi berpendapat tidak harus, manakala sebahagian yang lain seperti Imam Abu Hanifah dan Ibn Jarir al-Tabari berpendapat adalah harus melantik wanita yang memegang jawatan-jawatan umum, kecuali jawatan tertinggi sebagai ketua negara. Dr. Ibrahim Abd Hamid dari Universiti al-Azhar dalam kajianinya “*Nizam al-Qadha Fi al-Islam*” menyokong pendapat terakhir ini, kerana tiada sebarang dalil yang kukuh melarangnya. Bahkan di dalam sejarah Islam diriwayatkan bahawa Saidina Umar r.a. pernah melantik seorang wanita bernama al-Syifa sebagai ketua perbandaran pada zaman pemerintahannya. Sayyidatina Aisyah r.a. pernah menjadi pemerintah tertinggi salah satu pasukan tentera yang terlibat dalam peperangan al-Jamal. Beliau adalah ahli Ijtihad dari kalangan sahabat.⁸

3. Menyediakan tentera yang mampu mempertahankan negara serta agama dari pencerobohan dan menjamin keamanan dalam negeri.
4. Mewujudkan sistem kehakiman bagi menyelesaikan pertikaian dan menegakkan keadilan.

7 Al-Mawardi, op. cit, hal. 27, 1996.

8 Lihat al-Anshari, 1980, 33.

5. Mendirikan solat lima waktu, solat Jumaat dan solat hari raya dengan membina masjid-masjid dan melantik imam-imam. Al-Qadhi Abu Yaala mengkelaskan masjid kepada dua jenis: i. Masjid Sultan, iaitu masjid yang terletak di bawah kuasa pemerintah dan ii. Masjid Am, iaitu masjid persendirian. Bagi masjid sultan, kuasa melantik imam adalah menjadi hak pemerintah. Dengan itu, "tidak harus menjadi imam di masjid sultan melainkan orang yang dilantik oleh kerajaan. Sekiranya kerajaan telah melantik seorang imam, maka dialah yang berhak menjadi imam solat sekalipun ada orang lain yang lebih afdal dan lebih alim daripadanya. Malah menurut Abu Yaala "Sekiranya imam rasmi telah selesai menunaikan solat secara berjamaah, tidak harus bagi orang lain mendirikan jamaah kerana ditakuti perbuatan tersebut dianggap sebagai satu bentuk tentangan terhadap kuasa pemerintah." Demikian jugalah pendapat imam-imam Syafie, Maliki dan Hanafi.
6. Mengendalikan urusan mengerjakan ibadat haji.
7. Mengendalikan urusan pemungutan dan pembahagian zakat seperti perlantikan amal dan sebagainya.
8. Memungut hasil dari sumber-sumber yang ada dalam negara (kharaj).
9. Hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan tanah (ihya al-mawat).
10. Mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap bagi mengendalikan urusan-urusan kewangan, harta benda kerajaan, pekerja dan juga pasukan bersenjata.
11. Membentera jenayah dan mengenakan hukuman terhadap penjenayah dengan hukuman yang sesuai, sama ada had (jenayah yang ditetapkan hukumannya oleh syarak dengan syarat-syarat tertentu seperti zina, mencuri, minum arak dan sebagainya) atau taazir (jenayah-jenayah lain yang diberi kuasa kepada pemerintah untuk menentukan bentuk hukumannya).
12. Melaksanakan tugas hisbah yang dalam konteks negara moden dikenali dengan bahagian penguatkuasaan. Ia bertujuan

memastikan supaya adab-adab akhlak dan syiar Islam serta peraturan-peraturan yang diwujudkan untuk kesejahteraan masyarakat dapat ditegakkan.

Apa yang disebutkan oleh kedua-dua ulama ini bolehlah dianggap sebagai kewajipan asas sahaja dan bukannya menyeluruh. Ada beberapa perkara lagi yang tidak disebutkan kerana belum diambil alih oleh kerajaan atau belum wujud pada masa itu seperti bidang pendidikan, kesihatan, industri dan sebagainya.

Adalah nyata dari apa yang dipaparkan di atas bahawa kewajipan dalam sesebuah negara Islam itu meliputi bidang yang sangat luas dan bukan terhad kepada melaksanakan hukum hudud semata-mata, sekalipun dinafikan bahawa ia merupakan salah satu kewajipan asas yang wajib dilaksanakan. Oleh yang demikian tentulah tidak adil untuk mengambil pelaksanaan hukum hudud semata-mata sebagai asas penilaian bagi menentukan sebuah kerajaan itu Islam atau tidak.

Dalam konteks Malaysia - kecuali beberapa perkara kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan - boleh dikatakan keseluruhan tanggungjawab yang menjadi kewajipan sebuah kerajaan Islam telah dilaksanakan, walaupun terdapat kelemahan dan kekurangan di sana sini yang mana proses memperbaiki dan menyempurnakan dilaksanakan secara berterusan. Oleh kerana sistem pemerintahan yang ada pada hari ini adalah warisan peninggalan penjajah, maka terdapat beberapa peraturan dan undang-undang yang berjalan tidak bersesuaian dengan kehendak Islam. Menyedari hakikat ini, maka kerajaan telah melaksanakan dasar "*Penerapan Nilai-nilai Islam*" dalam pentadbiran negara. Melalui dasar ini, segala yang bercanggah dengan Islam akan disesuaikan dengan kehendak Islam secara berperingkat-peringkat dan dengan cara bijaksana.

Dasar "*Penerapan nilai-nilai Islam*" sebenarnya adalah satu dasar yang luas dan terbuka, dengan artikel ia merangkumi semua nilai serta hukum Islam yang menjadi kewajipan kerajaan untuk melaksanakannya. Ia juga satu dasar yang akan dijalankan secara berterusan sehingga matlamat untuk menegakkan negara Islam dalam sistem negara terlaksana sepenuhnya.

2

KESAHIHAN KERAJAAN MENURUT HUKUM FIQH ISLAM

Sebelum kita memperkatakan kesahihan kerajaan menurut pandangan fiqh Islam, lebih dahulu akan kita jelaskan tatacara perlantikan ketua negara dalam sesebuah negara Islam. Sehubungan ini, al-Mawardi mengatakan sebagai berikut:

“Perlantikan ketua negara Islam berlaku dengan dua cara, iaitu: i. melalui pemilihan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Islam dan, ii. melalui perlantikan oleh pemerintah sebelumnya (wali al-Amr). Kedua-dua perlantikan ini adalah sah menurut ijma’ ulama.”⁹

Seperti yang dimaklumi, ketua negara Malaysia adalah dilantik melalui kedua-dua cara di atas.

Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua negara dilantik oleh Mesyuarat majlis Raja-Raja, pemerintahan negara dilantik oleh raja sebelumnya, manakala Yang Di Pertua Negeri pula dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong. Seperti yang disebut oleh al-Mawardi sebelum ini, bahawa ketua negara mempunyai kuasa untuk melantik jemaah menteri. Di Malaysia, Perdana Menteri yang mengetuai jemaah menteri dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong dari kalangan anggota Dewan Rakyat yang

⁹ Al-Mawardi, op. cit, hal. 6, 1996.

mendapat kepercayaan majoriti.

Mengenai perlaksanaan prinsip ‘syura’ (perundingan) merupakan salah satu prinsip asas dalam sistem pemerintahan Islam, Syed al-Syaikh Rasyid Ridha mengatakan:

“Sistem syura ini berbeza mengikut keadaan yang dihadapi oleh sesuatu umat serta perkembangan sesebuah masyarakat kerana di dalam perkara seperti ini, tidak mungkin ditetapkan kaedah pelaksanaannya untuk semua tempat dan masa.”

Syeikh Taha Abd Baqi al-Surur juga menyatakan pendapat yang sama, beliau menyatakan:

“Syura dalam Islam adalah suatu prinsip yang bersifat am dan berubah kaedah pelaksanaannya mengikut perkembangan sistem, tamadun serta kehidupan manusia. Ia boleh dilaksanakan seperti pada zaman permulaan Islam ataupun seperti yang dilaksanakan pada zaman ini melalui institusi parlimen.”¹⁰

Manakala Dr. Abd Hamid Ismail al-Ansari pula menyatakan sebagai berikut:

“Dewan-dewan perwakilan seperti Parlimen yang ada pada hari ini bolehlah dianggap sebagai “Majlis Syura” dan anggota-anggotanya adalah sebagai ahli Majlis Syura. Cara-cara pemilihan yang dilaksanakan pada zaman ini adalah sah di sisi Islam.”¹¹

Berhubung dengan perlantikan orang bukan Islam sebagai anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), beliau berpendapat hukumnya adalah harus. Pendapat-pendapat beliau ini termuat dalam kajianya bagi memperolehi ijazah Ph.d yang dikemukakan ke Universiti al-Azhar. Pendapat beliau tidak dibantah oleh para ulama al-Azhar yang menyelia dan memeriksa tesis tersebut.

10 Syaikh Taha Abd al-Baqi, hal. 131, 1961.

11 An-Anshari, op. cit, hal. 251, 1980.

3

KEWAJIPAN UMAT TERHADAP PEMERINTAH

Setelah kita memperkatakan secara ringkas kewajipan-kewajipan pemerintah kepada umatnya, maka pada bahagian ini kita perkatakan pula kewajipan-kewajipan umat terhadap pemerintah. Sehubungan dengan ini, Imam Abu Yaala mengatakan sebagai berikut:

“Apabila pemerintah telah melaksanakan tanggungjawab terhadap umat, maka wajiblah ke atas pemerintah melaksanakan dua perkara: i. taat dan ii. menolong pemerintah dalam melaksanakan tanggungjawabnya.”

Adapun dalil-dalil dari al-Quran dan Hadis yang menunjukkan wajib taat kepada pemerintah adalah seperti berikut:

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah S.W.T. dan taatlah kamu kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada ulil amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”

(Surah al-Nisa': 59)

Kemudian, perhatikan pula sabda-sabda Rasulullah s.a.w., yang berbunyi:

”مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ وَمَنْ يُطِعِ الْأَمِيرَ
فَقَدْ أَطَاعَنِي وَمَنْ يَغْصِبُ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي“.

Maksudnya: “Sesiapa yang taat kepadaku bererti ia taat kepada Allah S.W.T., sesiapa yang derhaka kepadaku bererti ia derhaka kepada Allah S.W.T., sesiapa yang taat kepada pemerintah bererti ia taat kepadaku dan sesiapa yang derhaka kepada pemerintah bererti ia derhaka kepadaku.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sabda Rasulullah s.a.w. berbunyi:

”السَّمْعُ وَالظَّاهِرَةُ عَلَى الْمُرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمِنْ بِمُعْصِيَةِ
إِذَا أَمْرَ بِمُعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ.“

Maksudnya: “Wajib ke atas setiap Muslim untuk patuh dan taat kepada pemerintah sama ada ia suka atau tidak, selama mana ia tidak diperintah untuk melakukan maksiat. Sekiranya ia diperintah untuk melakukan maksiat, maka janganlah patuh dan taat.”

(Riwayat al-Bukhari)

Demikian juga sabda baginda yang berbunyi:

”سَيِّلِكُمْ بَعْدِيْ وَلَاَ قِيلِكُمْ بَرُّ بَرِّهِ وَلَاَ يَلِكُمُ الْفَاجِرُ بِفُجُورِهِ فَاسْمَعُوْنَا
وَأَطِيعُوْنَا فِي كُلِّ مَا وَقَقَ الْحَقَّ، فَإِنْ أَخْسَنُوْ فَلَكُمْ وَلَهُمْ وَإِنْ أَسَأُواْ
فَلَكُمْ وَعَلَيْهِمْ“

Maksudnya: “Kamu akan diperintah oleh pemerintah-pemerintah selepas aku, yang baik akan memerintah kamu dengan kebaikannya dan yang tidak baik akan memerintah kamu dengan keburukannya. Maka hendaklah kamu dengar

dan taat kepada mereka pada setiap perintah yang sesuai dengan kebenaran, sekiranya mereka melakukan kebaikan maka kebaikan itu bagi kamu dan bagi mereka tetapi sekiranya mereka melakukan kejahanan maka kamu akan beroleh kebaikan sebaliknya mereka akan menerima akibat dari kejahanan yang mereka lakukan.”¹²

Sabda baginda lagi, yang berbunyi:

”مَنْ خَلَعَ يَدًا مِنْ طَاعَتِهِ لَقِيَ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا حُجَّةَ لَهُ وَمَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُقْدَةِ بَيْعَةِ مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً“

Maksudnya: “Sesiapa yang menarik kesetiaannya terhadap pemerintah, ia menemui Allah S.W.T. tanpa sebarang hujah. Sesiapa yang mati tanpa kesetiaan terhadap pemerintah, matinya seperti kematian dalam jahiliyah (maksiat).”

(Riwayat Muslim)

Sementara dalam riwayat lain pula dinyatakan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang berbunyi:

”أَطِيعُوا أَمْرَاءَكُمْ مَهْمَا كَانَ فَإِنْ أَمْرُوا كُمْ بِشَيْءٍ مِمَّا جِئْتُمُ بِهِ فَإِنَّهُمْ يُؤْخِرُونَ عَلَيْهِ وَتُؤْخِرُونَ بِطَاعَتِهِمْ وَإِنْ أَمْرُوا كُمْ بِشَيْءٍ مِمَّا لَمْ يَأْتُكُمْ بِهِ فَإِنَّهُ عَلَيْهِمْ وَأَنْتُمْ مِنْهُ بُرَاءٌ“

Maksudnya: “Taatlah kepada pemerintah kamu bagaimanapun keadaannya, sekiranya mereka memerintahkan kamu dengan perintah yang sesuai dengan ajaranku maka mereka akan diberi pahala dan kamu juga akan diberi pahala kerana mentaati mereka, tetapi sekiranya mereka memerintahkan kamu dengan perintah yang tidak sesuai dengan ajaranku maka dosanya

12 Hadis ini disebut oleh Mawardi dalam kitabnya “al-Ahkam as-Sultaniah” dari riwayat Abu Hurairah

ditanggung oleh mereka sedangkan kamu terselamat dari dosa.”
(Riwayat al-Tabhari)

Sabda baginda yang berbunyi:

”إِذَا كَانَ عَلَيْكُمْ أَمْرٌ أَءِيْأَمْرُ وَتَكُونُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَالجَهَادِ فَقَدْ حَرَمْتُمْ عَلَيْكُمْ سَبْطُهُمْ وَحَلَّ لَكُمْ خَلْفُهُمْ“

Maksudnya: “Sekiranya kamu berada di bawah pemerintah-pemerintah yang menyuruh kamu mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan berjihad, maka haramlah ke atas kamu mencaci mereka dan halallah bagi kamu mengikut mereka.”

(Riwayat al-Tabhari)

Demikianlah kita nukilkkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah yang mewajibkan umat mentaati pemerintah Islam (waliyul amri). Abu Hurairah mentafsirkan perkataan ulil amri dalam ayat 59, surah al-Nisa di atas sebagai “golongan pemerintah.”¹³

Prinsip ketaatan kepada pemerintah ini sangat penting dalam Islam kerana kehidupan umat serta peraturan-peraturan yang dibawa oleh Islam “tidak akan dapat ditegakkan tanpa wujudnya pemerintah yang ditaat”¹⁴ (Oleh kerana itu, mentaati ketua negara adalah “sebahagian daripada asas-asas utama bagi syariat Islam yang suci dan benar ini.”¹⁵

Bertolak dari prinsip ini jugalah, maka perbuatan mencabar pemerintah yang sah sehingga membawa kepada perpecahan masyarakat yang boleh memecahkan perpaduan dan melemahkan umat adalah merupakan kesalahan yang dipandang berat oleh agama, seperti yang tersebut dalam sebuah sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

”مَنْ أَثَاكُمْ جَمِيعُ وَأَمْرُكُمْ عَلَى رَجُلٍ وَاحِدٍ يُرِيدُ أَنْ يَشْقَى عَصَاكُمْ أَوْ يُفَرِّقَ جَمَاعَتَكُمْ فَاقْتُلُوهُ“

13 Lihat tafsir al-Tabhari.

14 Al-Ghazali, al-Imam, al-Iqtisad Fi al-l'Tiqad.

15 Al-Absyih al-Mustatraf.

Maksudnya: "Sesiapa yang datang kepada kamu padahal kamu semua bersatu di bawah seorang pemerintah, ia ingin melakukan penderhana dan mencecah perpaduan kamu, maka hendaklah ia dibunuh."

(Riwayat Abu Muslim, Abu Daud dan al-Nasa'i)

4

SEMPADAN TAAT KEPADA PEMERINTAH

Berdasarkan petikan sabda Rasulullah s.a.w. yang dikemukakan di atas, dapat difahami bahawa ketataan kepada pemerintah meliputi semua perkara kecuali perintah melakukan maksiat kepada Allah S.W.T.. Inilah sebenarnya pengertian yang dimaksudkan oleh sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

"لَا طَاعَةَ لِمَخْلُوقٍ فِي مَنْصِبَةِ الْخَالِقِ"

Maksudnya: "Tiada taat kepada makhluk pada perintah maksiat kepada al-Khaliq (Allah S.W.T.)."

(Muttafaq Alaih)

Sesetengah pihak cuba untuk memesongkan hadis ini dengan memberi pengertian: "tiada ketataan kepada makhluk (pemerintah) yang melakukan maksiat". Pengertian ini, bukan sahaja tidak benar dari segi susunan bahasanya bahkan ia satu pengertian yang mustahil kerana yang maksum (tidak melakukan dosa) hanyalah Nabi sahaja sedangkan Allah S.W.T. dan Rasul-Nya memerintahkan kita supaya taat kepada pemerintah Islam selepas Rasulullah s.a.w.. Selain itu, pengertian ini bertentangan dengan hadis-hadis lain yang jelas maksudnya seperti hadis di atas.

Sabda Rasulullah s.a.w., berbunyi:

"خَيْرٌ أَمْ تُكْمِلُونَ الَّذِينَ تُحِبُّونَهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ وَيُصْلُوْنَ عَلَيْكُمْ وَتَصْلُوْنَ عَلَيْهِمْ، وَشَرٌّ أَمْ تُكْمِلُونَ الَّذِينَ قَبْعَضُوْنَكُمْ وَيَقْبَضُوْنَكُمْ وَتَلْعَنُهُمْ وَيَلْعَنُوْنَكُمْ، قَبْلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا نَبَدِلُهُمْ بِالسَّيِّفِ؟ فَقَالَ: لَا مَا أَقَامُوا فِيْكُمُ الصَّلَاةَ، وَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْ وَلَاتِكُمْ شَيْئاً تَكْرُهُوْنَهُ فَاقْرُهُوْا عَمَلَهُ وَلَا تَرْعُوا يَدًا مِنْ طَاعَةٍ"

Maksudnya: "Sebaik-baik pemimpin kamu ialah mereka yang kamu suka dan mereka juga menyukai kamu, mereka mendoakan untukmu dan kamu juga mendoakan untuk mereka. Pemimpin-pemimpin kamu yang tidak baik pula ialah mereka yang kamu tidak suka dan mereka juga tidak menyukai kamu, kamu mengutuk mereka dan mereka juga mengutuk kamu. Rasulullah s.a.w. ditanya. "Bolehkah kami menentang mereka dengan pedang (kekuatan)?" Rasulullah s.a.w. menjawab. "Tidak boleh, selagi mereka menegakkan solat di kalangan kamu. Apabila kamu melihat sesuatu yang kamu tidak suka pada pemerintah kamu, maka hendaklah kamu membenci perbuatannya sahaja tetapi janganlah kamu menarik balik kesetiaan kamu terhadapnya."

(Riwayat Muslim, al-Tabrani dan al-Baihaqi)

Bertolak dari garis panduan ini, maka sebarang tindakan yang diambil oleh pemerintah dalam mentadbir negara - sama ada dalam membuat peraturan, pelantikan, pemecatan dan sebagainya - adalah wajib dipatuhi. Malahan, dalam hal-hal yang berkaitan dengan masalah hukum yang terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenainya (masalah khilafiah), maka pendapat yang didokong oleh pemerintah hendaklah dipatuhi, seperti dalam menentukan tarikh puasa, hari raya, pelantikan imam, hakim dan sebagainya. Bukti mengenai perkara ini dikuatkan lagi dengan kenyataan oleh imam al-Qarafi:

"Seluruh ulama sepandapat (ijmak) mengatakan hukum Allah S.W.T. ialah apa yang ditentukan oleh pemerintah dalam perkara-perkara ijtihad, hukum tersebut wajib dipatuhi oleh seluruh umat dan haram ke atas setiap orang mencabarnya."

(Al-Qarafi, al-Imam "al-Ahkam")

Al-Qarafi adalah seorang ulama yang berasal dari Mesir. Ia lahir pada abad ke-10 Masehi dan meninggal pada abad ke-11 Masehi. Al-Qarafi dikenal sebagai ahli fiqh dan ahli hadis. Ia merupakan salah satu ahli fiqh yang terkenal di dunia Islam. Ia menulis banyak buku tentang hukum Islam, termasuk buku "al-Ahkam". Buku ini membahas berbagai masalah hukum dalam Islam, termasuk masalah hukum ijtihad. Al-Qarafi menyatakan bahwa hukum ijtihad wajib dipatuhi oleh seluruh umat dan haram ke atas setiap orang mencabarnya. Hal ini berdasarkan pada ijmak (consensus) para ulama. Ijmak ini berarti bahwa seluruh ulama sepakat mengatakan bahwa hukum ijtihad wajib dipatuhi. Dengan kata lain, jika ada masalah hukum ijtihad yang tidak dapat dijawab dengan qur'an dan sunnah, maka hukum tersebut harus diambil dari ijtihad. Al-Qarafi juga menyatakan bahwa hukum ijtihad ini hanya berlaku untuk hal-hal yang belum dijelaskan dalam qur'an dan sunnah. Jadi, jika ada masalah hukum ijtihad yang belum dijelaskan dalam qur'an dan sunnah, maka hukum tersebut wajib dipatuhi.

Al-Qarafi juga menyatakan bahwa hukum ijtihad ini hanya berlaku untuk hal-hal yang belum dijelaskan dalam qur'an dan sunnah. Jadi, jika ada masalah hukum ijtihad yang belum dijelaskan dalam qur'an dan sunnah, maka hukum tersebut wajib dipatuhi. Hal ini berdasarkan pada ijmak (consensus) para ulama. Ijmak ini berarti bahwa seluruh ulama sepakat mengatakan bahwa hukum ijtihad wajib dipatuhi. Jadi, jika ada masalah hukum ijtihad yang belum dijelaskan dalam qur'an dan sunnah, maka hukum tersebut wajib dipatuhi. Hal ini berdasarkan pada ijmak (consensus) para ulama. Ijmak ini berarti bahwa seluruh ulama sepakat mengatakan bahwa hukum ijtihad wajib dipatuhi. Jadi, jika ada masalah hukum ijtihad yang belum dijelaskan dalam qur'an dan sunnah, maka hukum tersebut wajib dipatuhi.

5

KEWAJIPAN DAN CARA MENEGUR PEMERINTAH

Taat kepada pemerintah tidak menghalang mana-mana pihak dari memberikan pandangan, nasihat serta teguran terhadap golongan yang memerintah. Malahan ini adalah salah satu perkara yang dituntut dalam Islam.

Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa setiap kewajipan dalam Islam mestilah dilakukan mengikut kaedah dan peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak. Contohnya solat, ia mesti ditunaikan mengikut rukun dan syarat yang ditetapkan. Mengerjakan solat tanpa mengikut cara yang telah ditetapkan oleh syarak, bukan sahaja tidak sah tetapi ia juga merupakan satu dosa. Demikianlah halnya dengan tanggungjawab menegur pemerintah yang termasuk dalam kewajipan “*amar makruf dan nahi mungkar*” dalam Islam.

Imam al-Ghazali membahagikan kewajipan amar makruf ini kepada lima peringkat iaitu:

- i) Takrif (memberitahu)
- ii) Menasihati dengan kata-kata yang lembut
- iii) Menggunakan kata-kata yang keras
- iv) Mencegah dengan kekuatan dan
- v) Menggunakan cara ugutan

Menurut Imam al-Ghazali, apa yang harus dilakukan terhadap golongan pemerintah ialah dua peringkat teratas sahaja, iaitu "takrif (memberitahu) dan menasihati dengan kata-kata yang lembut". Apa yang disebutkan oleh Imam al-Ghazali ini, selaras dengan ajaran yang terkandung di dalam maksud sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

"مَنْ أَرَادَ أَنْ يَنْصَحِّ لِذِيْ سُلْطَانٍ بِأَمْرٍ فَلَا يَتَدَلَّ عَلَيْنَا وَلَكِنْ لِيَخْذُنْ
بِيَدِهِ فِي حُلُوبِهِ، فَإِنْ قَبِيلَ مِنْهُ فَذَاكَ وَإِلَّا كَانَ قَدْ أَدَى الْذِي عَلَيْهِ".

Maksudnya: "Sesiapa yang ingin menasihati pihak yang berkuasa mengenai sesuatu perkara, maka janganlah ia menyampaikan secara terang-terangan tetapi hendaklah ia memegang tangannya dan menyampaikan nasihatnya secara bersendirian. Sekiranya nasihat itu diterima, maka itulah yang baik tetapi sekiranya tidak diterima, maka ia (pemberi nasihat) dikira telah melaksanakan tanggungjawab."

(Riwayat Ahmad dan al-Hakim)

6

ISLAM DAN PERPADUAN UMMAH

Melalui setiap sendi ajarannya, Islam membentuk pengikutnya supaya menjadi umat yang bersatu. Mereka bukan sahaja beriman dengan Tuhan yang satu tetapi juga berpegang dengan kitab yang satu, melakukan ibadat yang satu, menghadap ke arah kiblat yang satu, mengikut manhaj atau method yang satu dan menuju ke arah matlamat yang satu.

Ajaran yang ditunjukkan untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat begitu banyak sekali dapat kita temui dalam al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran dengan tegas mengakui, bahawa setiap orang beriman itu adalah bersaudara, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu adalah bersaudara.”

Mereka wajib mensyukuri nikmat perpaduan ini dengan berpegang teguh pada ‘tali’ yang menghubungkan antara mereka dengan Allah S.W.T. iaitu kitab-Nya sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berpecah belah, dan ingatlah nikmat Allah S.W.T. kepada kamu sekalian ketika mana kamu bermusuhan (pada zaman Jahiliah), lalu Allah S.W.T. jinakkan

antara hati-hati kamu (dengan ikmat Islam), maka dengan nikmat-Nya jadilah kamu sekalian bersaudara.”

Dalam masa yang sama, sebarang bentuk perpecahan adalah dilarang keras kerana ia merupakan langkah ke arah kelemahan dan kehancuran umat. Perhatikan firman Allah yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu bersengketa kerana persengketaan akan menyebabkan kamu gagal dan hilang kekuatan kamu.”

Sebarang persengketaan yang timbul di kalangan masyarakat Islam, wajiblah dicari jalan perdamaian sekalipun dengan menggunakan kekuatan (jika perlu) bagi memastikan perpaduan umat tidak terjejas. Malah kewajipan mengusahakan perdamaian di kalangan umat Islam tidak kurang darjatnya daripada ibadat-ibadat utama seperti solat, sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah sabda baginda yang bermaksud:

“Mahukah aku beritahuhan kamu amalan yang lebih afdal daripada solat, puasa dan sedekah? Iaitu kamu mendamaikan antara dua puak yang bersengketa, kerana kerosakan hubungan di kalangan umat Islam boleh membinasakan.”

Sekalipun dusta adalah satu akhlak yang dicela dalam Islam tetapi memandangkan perpaduan merupakan kewajipan yang lebih penting dan lebih utama, ia (dusta) dibenarkan dalam usaha untuk mewujudkan perdamaian seperti yang dinyatakan oleh baginda Rasulullah melalui sabda baginda yang bermaksud:

“Bukanlah pendusta orang yang mendamaikan di antara dua manusia, lalu ia menyampaikan perkara yang baik atau percakapan yang baik.”

Ini tidak menghairankan, kerana Rasulullah s.a.w. amat mementingkan perpaduan di kalangan umatnya dan melarang perpecahan di dalam beberapa uitaian sabda baginda yang bermaksud seperti:

"يَدُ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ وَالشَّيْطَانُ مَعَ مَنْ خَالَفَ يَرْكَضُ"

Maksudnya: "Pertolongan Allah dengan jemaah (kumpulan umay yang bersatu dengan pemerintah) dan syaitan menunggang bersama kumpulan penentang."

(Riwayat al-Tabhrani)

Baginda juga bersabda:

"وَأَنَا أَمْرُ كُمْ بِخَمْسٍ أَمْرِنِيَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ بِهِنَّ: الْجَمَاعَةُ، وَالسَّمْعُ، وَالطَّاعَةُ،
وَالهَّجْرَةُ، وَالجَهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَمَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ شَبَرًا فَقَدْ
خَلَعَ رِبْقَةَ الإِسْلَامِ مِنْ رَأْسِهِ إِلَّا أَنْ يُرَاجِعَ"

Maksudnya: "Jamaah itu adalah rahmat dan perpecahan itu adalah azab." "Sesiapa yang memecahkan perpaduan, maka ia bukanlah dari golongan kita." "Pertolongan Allah S.W.T. adalah bersama jamaah (kumpulan terbesar)." "Janganlah kamu bersengketa kerana umat sebelum kamu telah bersengketa lalu mereka binasa."

(Riwayat al-Tirmizi, Ibn Hibban dan al-Tabhrani)

Pelajaran secara amali mengenai perpaduan umat ini telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam peristiwa Hijrah. Antara usaha-usaha awal yang baginda jalankan setibanya di Madinah ialah membina masjid, mempersaudarkan antara Muhajirin dan Ansar serta membentuk "Piagam Madinah" sebagai asas kepada pembentukan umat yang bersatu dan negara yang sedang dibina oleh Rasulullah s.a.w. Setiap gejala yang membawa kepada perpecahan masyarakat tidak boleh dipandang ringan kerana ia ibarat bunga-bunga api yang kelihatan kecil tetapi jika dibiarkan boleh membakar umat.

Perpaduan adalah asas tempat kita bertolak bagi merangka perpaduan ummah. Tanpa perpaduan, matlamat dan cita-cita untuk menegakkan Islam tidak mungkin akan tercapai. Hakikat ini jelas dilihat dalam sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w. sebagai ikutan terbaik

(*uswah hasanah*) bagi kita umat Islam. Malah tanpa perpaduan, kita bukan sahaja tidak dapat mencapai apa yang belum dicapai tetapi apa yang telah berada di dalam genggaman juga berciciran.

Setelah Saidina Ali r.a. dilantik menjadi khalifah selepas syahidnya saidina Uthman r.a. ekoran dari kekacauan yang ditimbulkan oleh puak pelampau, para sahabat menuntut khalifah agar melaksanakan had terhadap pembunuhan-pembunuhan saidina Uthman r.a. Saidina Ali r.a. memberi jawapan bahawa dalam keadaan kekacauan dan perpecahan umat seperti sekarang, beliau tidak mampu untuk melaksanakannya. Beliau meminta tempoh untuk memulihkan keadaaan dan memperkuatkuhan kekuasaannya sebelum dapat menjalankan qisas terhadap pembunuhan-pembunuhan Saidina Uthman r.a..

Ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa perpecahan umat boleh menjelaskan perlaksanaan syariat yang sedang berjalan dalam sebuah negara yang kekuasaan seluruhnya di tangan umat Islam. Sekiranya perpecahan umat boleh menjelaskan perlaksanaan syariat yang sedang berkuatkuasa dalam sebuah negara yang kekuasaannya seluruhnya berada di tangan umat Islam, maka bagaimana pula halnya dalam negara yang mewarisi sistem penjajahan sejak ratusan tahun dalam mana syariah tidak dijalankan di samping penjajahan pemikiran dan kekuasaan pula berbelah bahagi antara Islam dan bukan Islam? Jawapannya sudah pasti, bahawa dalam suasana begini, perpaduan umat lebih diperlukan.

Dalam rangka mewujudkan perpaduan umat, barangkali kata-kata hikmah daripada Saidina Hasan bin Ali r.a. ketika menyeri pengikut-pengikutnya supaya bersatu di bawah kepimpinan Muawiyah boleh dijadikan sebagai bahan renungan:

"إِنَّ مَا تَكْرُهُونَ فِي الْجَمَاعَةِ خَيْرٌ مِمَّا تُحِبُّونَ فِي الْفِرَقَةِ"

"Sesungguhnya apa yang kamu sekalian tidak suka dalam berjamaah (bersatu) adalah lebih baik dari apa yang kamu suka dalam berpecah."

Wallahu A'lam.